




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **127 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,797 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 77 menjadikan jumlah kumulatif 54,558 orang. Seramai 737 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 292 orang di hospital dan 445 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tuaran berubah dari zon jingga ke zon merah, manakala daerah Nabawan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 14 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Kerajaan Negeri menggalakkan pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) bagi penjawat awam dan swasta di kawasan yang disenaraikan PKPD dan PKP. Bagi membendung penularan pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri menyeru orang ramai agar terus mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengurangkan kehadiran ke kawasan tumpuan awam.

6 **Satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Meruntum** di Putatan merekodkan dua (2) kes baharu positif COVID-19 pada hari ini iaitu satu (1) di Putatan dan satu (1) lagi di Penampang, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak lapan (8) kes. Kluster ini juga mengaitkan satu (1) kes (generasi kedua) yang dilaporkan di luar daerah Penampang. Kes indeks merupakan Ketua Anak Negeri yang dikesan positif hasil saringan bergejala di klinik swasta pada 08 April 2021. Berdasarkan penelitian pergerakan, kes indeks telah menghadiri majlis aqiqah di Kg Meruntum Fasa III pada 27 hingga 28 Mac 2021 dan kursus di Majlis Daerah Putatan pada 31 hingga 1 April 2021. Daripada 71 kontak rapat yang disaring sehingga 09 April 2021, lapan (8) orang disahkan positif sementara 62 orang lagi masih menunggu keputusan.

7 Jumlah kapasiti katil 3,795 unit

- Hospital 565 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,810 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 19.42%.

## **B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) LAPAN (8) LOKALITI DI DAERAH TAWAU**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di lapan (8) lokaliti di daerah Tawau yang melibatkan:

- Tmn Sri Bukit Tawau
- Taman Cahaya
- Jalan Tengku Osman
- Kwarters Bomba Tawau
- Bandar Sri Indah
- Jalan Mesra
- Kampung Titingan
- Taman Golden Hill

- 2 Sehingga kini, secara kumulatif sebanyak 76 kes positif COVID-19 dan 220 orang kontak rapat telah dikesan dalam 8 lokaliti tersebut.
- 3 KKM juga mengesahkan telah berlaku penularan jangkitan COVID-19 di lokaliti di atas dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lapan (8) lokaliti di Daerah Tawau bermula dari 12 April hingga 25 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan pergerakan penduduk di lokaliti ini dapat dikawal bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **dua (2)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **48,988** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **790** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,013** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **3,161** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **398,150** (mysejahtera 370,952 : laman web 26,981 : talian vaksinasi 217) bersamaan 13.6%.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sejumlah **297,800** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 45 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 19,358 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 102 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 71 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak enam (6) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
  - Penampang : lima (5) orang
    - Tiada penjarakan sosial
  - Kinabatangan : satu (1) orang
    - Tiada penjarakan sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 40 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 47 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 391 lokasi melibatkan seramai 149 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 118 anggota di 104 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah iaitu Sook, Beaufort, Sandakan, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Kinabatangan dan Tuaran.

- 7 Sejumlah 82 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 55 hebahan di seluruh sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beluran	98%
6	Kudat	98%
7	Kota Belud	98%
8	Beaufort	97%
9	Keningau	97%
10	Papar	97%
11	Penampang	97%
12	Kunak	97%
13	Kinabatangan	97%
14	Kota Kinabalu	97%
15	Ranau	97%
16	Tuaran	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
11 APRIL 2021**